

Penilaian Peranan Dan Keberkesanan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Sebagai Aktor Utama Dalam Program Pembasmian Kemiskinan Di Terengganu

Wan Fasiah Wan Mohd Baharudin^{1*}, Malike Brahim²

^{1,2} Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author's email: wanfasihabharudin@gmail.com

Abstract: Unit Pelaksana, Penyelarasan, dan Penilaian (ICU) telah ditubuhkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971. ICU dibangunkan sebagai badan utama yang bertanggungjawab menguruskan usaha membasmi kemiskinan, secara amnya disebut sebagai program kebajikan rakyat. ICU juga telah diperluaskan ke peringkat negeri dan daerah dengan nama Pejabat Kemajuan Negeri (SDO). Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk memastikan hubungan antara keberkesanan dan peranan SDO dengan program pembasmian kemiskinan Terengganu. Bagi memenuhi matlamat kajian, soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data primer dan sumber sekunder dikumpulkan daripada penerbitan kerajaan, buku, jurnal, akhbar, laporan penyelidikan, dan Internet. Persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden daripada kalangan penduduk miskin di Terengganu. Semua perkara yang diambil kira, kajian ini dapat membantu SDO dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai organisasi utama dalam melaksanakan dasar yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan, yang selaras dengan objektif kerajaan untuk mencapai kemiskinan mutlak sifar menjelang 2025. Sesungguhnya peratusan penduduk miskin terengganu dapat dikurangkan, dan kajian ini boleh menawarkan cadangan cara untuk menangani masalah pembasmian kemiskinan.

Keywords: Program, dasar, peranan dan keberkesanan, kemiskinan, pembasmian kemiskinan.

1.0 PENGENALAN

Isu pembasmian kemiskinan berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi adalah instrumen penting bagi mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup di negara membangun. Oleh itu, dasar-dasar ekonomi yang diperkenal dapat menentukan sama ada kadar kemiskinan dapat dikurangkan atau tidak. Berhubung perkara ini, telah banyak usaha dan dasar yang diambil kerajaan Malaysia bagi membasmi kemiskinan sejak tahun 1970-an. Setiap dasar pembangunan yang telah diperkenal Malaysia juga merangkumi dasar pembasmian kemiskinan bagi menangani isu pembasmian kemiskinan di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang pembasmian kemiskinan seperti kajian yang dijalankan oleh Wan Nurulashiah, Wan Mustapa, Abdullah Al Mamun, & Mohamed Dahlan Ibrahim (2018) bertajuk Kesan Ekonomi Inisiatif Pembangunan Terhadap Isi Rumah Berpendapatan Rendah di Kelantan yang mengkaji tentang isu pembasmian kemiskinan. Namun begitu, kajian ini memberi penekanan kepada agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Kebangsaan (TEKUN) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Manakala, Mohd Rodzi, Roshaiza Taha & Mohd Nazli Mohd Nor (2015) juga telah mengkaji tentang isu pembasmian kemiskinan yang memberi penekanan terhadap peranan zakat.

Selain daripada agensi-agensi di atas, kerajaan telah memperkenalkan satu agensi iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) yang beroperasi sebagai agensi utama dalam pelaksanaan dasar pembasmian kemiskinan di Malaysia. Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan UPP merupakan agensi

yang bertanggungjawab dalam menyediakan dan memperbaharui penilaian Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan isi rumah bulanan setiap dua tahun sekali. Tahap kemiskinan dapat dikategorikan sebagai miskin tegar dan miskin melalui penilaian PGK. PGK bagi penduduk di bandar dan luar bandar adalah berbeza (DOSM, 2022).

Di Malaysia, tahap kemiskinan adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar berbanding di kawasan bandar. Oleh itu, UPP telah menubuhkan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) di peringkat negeri dan daerah yang bertanggungjawab menjalankan peranan yang dimainkan UPP secara menyeluruh. Oleh itu, PPN dan UPP ini bertindak sebagai agensi utama dalam menyelaraskan semua program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan.

Namun begitu, tiada kajian lepas yang telah mengkaji tentang isu pembasmian kemiskinan dan menyentuh tentang peranan dan keberkesanan UPP atau PPN itu sendiri. UPP merupakan satu agensi utama yang telah ditubuhkan khas bagi menyelaraskan program-program pembasmian kemiskinan. Ketiadaan kajian lepas yang menyentuh tentang peranan dan keberkesanan UPP atau PPN menyebabkan satu kajian baharu perlu dijalankan bagi mengkaji tentang peranan dan keberkesanan PPN sebagai aktor utama dalam program pembasmian kemiskinan. Justeru, kajian ini dijalankan dengan memberi penekanan kepada peranan dan keberkesanan PPN sebagai aktor utama dalam program pembasmian kemiskinan di Terengganu.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengkaji tentang dasar serta pembasmian kemiskinan di Malaysia dan telah dipilih untuk diulas secara keseluruhannya. Pertama, kajian oleh Dawood dan Leng (2016) telah meneroka tentang keberkesanan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan di kawasan luar bandar serta meninjau tindak balas masyarakat luar bandar di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia terhadap program bantuan kerajaan untuk membasmi paras kemiskinan. Program yang dilaksanakan bagi membantu penduduk luar bandar dapat membantu mereka dalam bentuk sokongan kewangan, program pendidikan, perumahan dan lain-lain serta mengeluarkan sebahagian masyarakat daripada perangkap kemiskinan.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat ramai penduduk yang telah mengambil peluang yang diberikan kerajaan bagi memperbaiki dan menaik taraf kehidupan mereka. Namun begitu, masih terdapat sebilangan penduduk kampung yang berpendapatan bahawa bantuan itu tidak mencukupi dan terhad. Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa lebih banyak program dapat dilaksanakan dengan berkesan serta penilaian dan pemantauan program dengan lebih teliti berdasarkan kelayakan dan keadaan penduduk luar bandar perlu dilaksanakan daripada pihak berkuasa yang terlibat.

Sementara itu, Chamhuri, Mohd Khairi, Nurul Ashikin dan Siti Zalikha (2019) telah mengkaji tentang trend, ciri, isu dan cabaran bagi kumpulan isi rumah B40 di Malaysia. Pembasmian kemiskinan

merupakan satu matlamat pembangunan mampan yang telah digariskan oleh Bank Negara, di mana kerajaan berusaha untuk menangani masalah ini dengan memperkenalkan pelbagai polisi dan program. Dalam RMK (Rancangan Malaysia Ke)-11 yang dibentangkan telah memperlihatkan usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat melibatkan golongan B40 menjelang tahun 2030.

Selain itu, pengkaji juga telah membentangkan beberapa ciri utama berkaitan golongan B40 iaitu bergantung dengan satu pendapatan, merupakan pekerja berkemahiran yang bekerja sendiri, pola perbelanjaan yang diperuntukkan terhadap makanan, perumahan dan pengangkutan, peningkatan sara hidup tinggi, pencapaian pendidikan dan kemahiran bekerja rendah, keberhutangan yang tinggi, serta ketidakmampuan pemilikan rumah. Pengkaji juga telah mengenal pasti isu dan cabaran yang perlu ditangani kerajaan iaitu pencapaian pendidikan dan penguasaan kemahiran yang rendah, pekerjaan berkemahiran dan bernilai tambah rendah, kurang keupayaan keusahawanan, peningkatan dalam kos sara hidup, keberhutangan yang tinggi, pelaksanaan program jaringan keselamatan secara solo dan berasingan, ketidakupayaan memiliki rumah, serta capaian terhad kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang mengkaji tentang dasar dan pembasmian kemiskinan di Malaysia yang menekankan tentang peranan organisasi lain. Pertama, kajian yang dijalankan oleh Wan Nurulashia, Abdullah dan Mohamed Dahlan (2018) telah membincangkan tentang kesan akses kepada modal kerja dan program latihan terhadap pendapatan isi rumah dan kelemahan ekonomi dalam kalangan peserta AIM, TEKUN, dan LKIM di Kelantan.

Dalam usaha untuk mencapai objektif pembasmian kemiskinan, beberapa strategi dan dasar yang dicadangkan seperti DEB, DPN, DWN, dan MBE telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Malahan kerajaan telah memperkenalkan strategi kredit mikro dan program latihan oleh ketiga-tiga badan bukan kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan bagi mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan. Kesimpulannya, pengkaji menyatakan bahawa program kredit mikro dan latihan ini telah mempengaruhi pendapatan isi rumah dan tahap kelemahan ekonomi dalam memberi maklumat yang berguna untuk merangka dasar ekonomi dan sosial serta program pembasmian kemiskinan terutamanya untuk isi rumah berpendapatan rendah di Kelantan.

Kedua, Zakiah dan Norzalinda (2021) telah menjalankan kajian yang lebih tertumpu kepada peranan JKM dalam membasmi kemiskinan melalui Pendekatan Kebajikan Produktif dan 2 Years Exit Policy (2YEP) yang diwujudkan oleh JKM. Kajian ini menunjukkan bahawa usaha dan pendekatan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membasmi kemiskinan melalui pembangunan keusahawanan dan kebajikan produktif adalah bertepatan kerana kualiti hidup dan tahap ekonomi penerima bantuan boleh ditingkatkan demi untuk kemandirian hidup mereka di masa akan datang. Namun begitu, masih terdapat segelintir penerima bantuan Geran Pelancaran (GP) masih lagi berada dalam kemiskinan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa JKM perlulah memulakan langkah proaktif

dengan menilai semula keberkesanan kebijakan produktif dan pemantauan yang berterusan oleh staf JKMM sendiri kerana masih terdapat penerima bantuan ini yang masih lagi berada dalam kemiskinan.

Dalam pada itu, Muhammad Adli, Abdul Jabbar dan Muhammad Hakimi (2022) mengkaji tentang program pembasmian kemiskinan dari sudut aplikasi wakaf muzaraah iaitu gabungan dua kontrak di dalam satu produk. Pengkaji berpendapat bahawa gabungan kontrak wakaf dan muzaraah dapat membasmi kemiskinan dan sekali gus dapat menyelesaikan masalah tanah terbiar di Malaysia. Mekanisme pelaksanaan aplikasi ini melibatkan pemilik tanah terbiar asal serta petani dengan membenarkan petani mengusahakan tanah terbiar tersebut dan hasil yang diperolehi dibahagikan keuntungannya. Oleh itu, jumlah kemiskinan tegar dapat dikurangkan jika aplikasi ini dilaksanakan dengan baik kerana aplikasi ini dapat membantu meningkatkan ekonomi individu dan kerajaan serta membangunkan negara.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Prosedur dalam menjalankan kajian ini berasaskan kepada pendekatan kualitatif. Dalam kaedah kualitatif ini, selain daripada penelitian dokumen-dokumen yang merangkumi laporan rasmi kerajaan, laporan tahunan agensi atau jabatan, laporan penyelidikan dan karya-karya lepas yang berkaitan, kajian ini turut menggunakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada responden dan sesi temu bual bersama informan yang telah dikenal pasti. Dengan kata lain, penelitian semua dokumen bersifat sekunder itu lebih bersifat kajian perpustakaan, di mana semua data atau maklumat yang diperlukan dalam kajian ini sudah sedia ada. Oleh itu, semua maklumat sekunder ini dianalisis berasaskan kepada analisis kandungan (content analysis) dan bagi data yang diperolehi melalui soal selidik, analisis deskriptif menggunakan statistik mudah seperti kekerapan, peratusan, dan min dijalankan.

Bagi mencapai objektif kajian, data primer diperolehi menggunakan borang soal selidik. Manakala sumber sekunder pula diperolehi melalui buku, jurnal, akhbar, laporan rasmi, laporan penyelidikan, dan sumber daripada internet. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden dalam kalangan fakir miskin dan miskin tegar di seluruh Terengganu. Selain itu, kajian tinjauan telah dijalankan menggunakan soal selidik. Kemudian data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 28.0 dan diringkaskan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai kekerapan, peratusan dan min sebagai penunjuk maklum balas responden kepada setiap atribut yang diukur. Seterusnya, data peratusan dilakukan dalam bentuk jadual, carta, taburan kekerapan, dan histogram.

4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Analisis deskriptif dijalankan bagi menilai setiap item mengikut pembolehubah ke atas data yang telah diperolehi. Jadual 1 di bawah menunjukkan interpretasi skala iaitu merah (sangat tidak berkesan), jingga (tidak berkesan), kuning (kurang berkesan), biru (berkesan) dan hijau (sangat berkesan). Selain itu, analisis deskriptif bagi menentukan nilai min bagi setiap pembolehubah yang dikaji dalam menilai peranan dan keberkesanan PPN sebagai aktor utama dalam program pembasmian kemiskinan di Terengganu seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skala

Nilai Min	Interpretasi
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Tschannen-Moran, M & Gareis, C. R., 2004)

Jadual 2: Tahap Keberkesanan Peranan PPN

Statistik Deskriptif				
Perkara		Min	Sisihan Piawaian	Keberkesanan
1.	Penilaian dasar dan program	2.7321	1.02180	Sederhana
2.	Peranan PPN sebagai aktor utama pembasmian kemiskinan	2.5596	1.12145	Rendah
3.	Peranan PPN di bawah DMM	2.8543	1.07611	Sederhana
4.	Pengukuhan program pembasmian kemiskinan	4.7059	.57633	Sangat Tinggi

Statistik deskriptif bagi empat atribut di atas menunjukkan tahap keberkesanan yang berbeza-beza. Pertama, kadar keberkesanan bagi penilaian dasar dan program mencatatkan min sebanyak 2.7321 iaitu tahap keberkesanan yang sederhana. Kedua, kadar keberkesanan bagi peranan PPN sebagai aktor utama pembasmian kemiskinan mencatatkan min sebanyak 2.5596 iaitu tahap keberkesanan yang rendah. Ketiga, kadar keberkesanan bagi peranan PPN di bawah DMM mencatatkan min sebanyak 2.8543 iaitu tahap keberkesanan yang sederhana. Akhir sekali, kadar keberkesanan bagi pengukuhan program pembasmian kemiskinan mencatatkan min sebanyak 4.7059 iaitu tahap keberkesanan yang sangat tinggi.

Memandangkan kadar keberkesanan untuk peranan SDO sebagai pemain utama dalam membasmi kemiskinan mencatatkan min terendah jika dibandingkan dengan ciri-ciri lain, SDO perlu meningkatkan keberkesanan fungsinya sebagai pemain utama dalam pembasmian kemiskinan. Oleh sebab itu, SDO perlu memberi lebih pertimbangan kepada pendapat golongan miskin dan kurang berkemampuan di Terengganu.

Bagi menjawab persoalan kajian mengenai peranan PPN dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan di Terengganu, analisis dapatan kajian mencatatkan tahap keberkesannya adalah rendah. Hal ini demikian kerana masih terdapat golongan miskin tegar yang keliru dengan peranan yang dimainkan PPN. Menurut En. Zaid iaitu pegawai bagi seksyen kemiskinan di PPN Terengganu, PPN bukanlah agensi pemberi bantuan malah merupakan penyelarar program atau bantuan kecuali kes-kes yang memerlukan bantuan yang segera (Temubual Personal, 22 September 2024). Oleh itu, PPN bergiat aktif sebagai penyelarar program pembasmian kemiskinan dengan menjalankan program pembasmian kemiskinan dengan kerjasama agensi-agensi lain serta NGO yang turut sama terlibat.

Namun begitu, analisis dapatan kajian mendapati peranan PPN di bawah DMM menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana. Situasi ini berlaku berdasarkan kepada usaha PPN dalam mencapai matlamat kerajaan bagi menyifarkan miskin tegar. Sehubungan dengan itu, beliau menjelaskan PPN Terengganu telah berjaya mencapai matlamatnya dalam menyifarkan miskin tegar walaupun bilangan yang miskin tegar masih wujud khususnya yang baru berdaftar e-kasih (Temubual Personal, 22 September 2024).

Selain itu, program di bawah DMM seperti BMTKM dan Kampung Angkat Madani juga turut mendapat reaksi positif daripada penduduk awam, di mana ia seiringan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap (hasil) keberkesanan yang sederhana berkaitan peranan PPN di bawah DMM. Menurut Haji Abdul Kahar, Pengarah PPN Terengganu, DMM banyak menjalankan program yang menggerakkan penduduk dan komuniti kampung, di mana semua kepimpinan seperti JPKK, ketua kampung, serta penghulu kampung memainkan peranan penting supaya golongan miskin tegar ini boleh bergerak sendiri dan berdikari tanpa mengharapkan bantuan secara berterusan daripada kerajaan (Temubual Personal, 24 September 2024).

Seterusnya, analisis terhadap bentuk program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh PPN bagi membasmi kemiskinan di Terengganu menunjukkan tahap keberkesanan yang sederhana. Berdasarkan RP1 hingga RP4 bagi RMK12, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar kepada PPN (Sinar Harian, 11 Disember 2023). Namun begitu, peruntukan ini lebih tertumpu kepada projek fizikal pembangunan dan tiada peruntukan khusus bagi program-program pembasmian kemiskinan. Program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh PPN seperti program bina/baik pulih rumah; bina/baik pulih kemudahan asas; program uKASIH; program Back to School; program CAKNA Ramadan; program dKASIH; program Kasih Prihatin; program Mobile Team; dan program i-care4u bukanlah program yang dijalankan secara bulanan, tetapi merupakan program ad hoc yang dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain.

Analisis dapatan kajian turut menunjukkan kadar kekerapan penerimaan bantuan berdasarkan maklum balas responden adalah bersifat jarang (rare). Ini adalah kerana PPN lebih memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar yang kurang menerima bantuan dan bantuan apa yang mereka perlukan. Menurut En. Zaid, PPN akan melakukan semak silang (cross-check) dengan agensi-agensi pemberi

bantuan yang lain, di mana golongan miskin tegar yang telah menerima bantuan daripada agensi lain kurang diberi tumpuan. Sebaliknya, mereka lebih memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar belum menerima bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan (Temubual Personal, 22 September 2024). Atas sebab itu, walaupun dikategorikan sebagai golongan miskin tegar, bukanlah bermakna mereka layak menerima semua bantuan atau program kemiskinan daripada PPN.

Akhir sekali, dapatan kajian turut menjawab persoalan kajian ketiga iaitu sejauh mana program pembasmian kemiskinan berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di Terengganu. Analisis menunjukkan keberkesanan dan prestasi program pembasmian kemiskinan mencatatkan tahap keberkesanan yang sederhana. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa dasar atau program tersebut boleh diperbaiki dan diberi perhatian lagi.

Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan kadar keberkesanan bagi pengukuhan program pembasmian kemiskinan mencatatkan tahap keberkesanan yang sangat tinggi. Ini terbukti apabila responden lebih cenderung memilih sangat bersetuju dengan cadangan-cadangan ke arah pengukuhan program pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan. Berdasarkan kepada analisis ini, tahap keberkesanan program pembasmian kemiskinan ini masih berada di tahap sederhana. Walau bagaimanapun, program pembasmian ini boleh diperkukuh lagi supaya ia dapat mengurangkan lagi kadar kemiskinan di Terengganu.

Secara ringkasnya, berdasarkan kepada analisis dapatan kajian yang telah dibincangkan dalam Bab 6, ia membuktikan bahawa dapatan kajian ini telah mencapai ketiga-tiga objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Walaupun peranan PPN dan tahap keberkesanan program pembasmian kemiskinan masih berada di tahap sederhana, analisis menunjukkan bahawa masih terdapat ruang bagi PPN untuk menambahbaik keberkesanan dan prestasi mereka dari segi sama ada peranannya sebagai aktor rasmi atau pun keberkesanan program pembasmian kemiskinan itu sendiri.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini mempunyai jurangnya yang tertentu sebagaimana kajian-kajian terdahulu sebelum ini. Antaranya, kajian ini memerlukan garis masa yang lebih panjang. Hal ini demikian kerana garis masa yang lebih panjang membolehkan skop penyelidikan dapat diperluas. Contohnya, kajian ini hanya tertumpu kepada golongan miskin di Terengganu, di mana penelitian dengan lebih mendalam dan luas memerlukan lebih banyak masa khususnya melibatkan majoriti golongan miskin tegar di seluruh Malaysia.

Menurut statistik status kemiskinan setakat Disember 2024, antara tiga negeri yang mencatatkan nilai kemiskinan tegar tertinggi ialah Sabah sebanyak 72,036 orang, Kelantan sebanyak 58,874 orang, dan Sarawak sebanyak 58,055 orang (www.icu.gov.my). Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan yang

boleh merangkumi golongan miskin tegar di seluruh Malaysia atau pun kajian lanjut yang bertumpu kepada kawasan luar bandar di Malaysia.

Selain itu, kajian ini hanya menyentuh secara ringkas tentang peranan PPN di bawah DMM. Oleh kerana DMM dan program serta bantuan yang dijalankan di bawah DMM ini masih lagi baru dilaksanakan, tiada data yang terperinci tentang impak atau output program atau bantuan yang dijalankan di bawah DMM ini. Oleh itu, perlu kajian lanjut yang mengkaji tentang program dan bantuan di bawah DMM yang berupaya mengurangkan kadar kemiskinan atau tidak.

Kajian ini telah menyentuh tentang peranan PPN sebagai aktor utama dalam membasmi kemiskinan di Terengganu. Namun begitu, masih terdapat banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembasmian kemiskinan di Terengganu yang boleh dikaji pada kajian selanjutnya. Antara faktor lain yang boleh disentuh bagi penyelidikan masa hadapan ialah faktor kepentingan pendidikan dan kemahiran dalam membasmi kemiskinan rakyat Terengganu. Seperti yang telah diperkata oleh Haji Abdul Kahar, terdapat kes-kes golongan miskin di Terengganu di mana mereka kurang mempunyai kemahiran-kemahiran yang menyulitkan bantuan yang sesuai disalurkan kepada mereka (Haji Abdul Kahar, Temubual Personal, 24 September 2024).

Justeru, usaha-usaha seperti Program Karnival Pelajar Terengganu Sifar Keciciran Ke IPT 2023 oleh Yayasan Terengganu pada tahun 2023 telah dilancarkan bagi memastikan pelajar-pelajar di Terengganu dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi tanpa sebarang halangan (TRDI, 25 September 2023). Selain itu, selaras dengan Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara, kerajaan pada masa kini turut mengutamakan kemahiran seperti TVET.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberi keutamaan kepada beberapa perkara seperti meningkatkan kerjasama dengan industri; menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli serta membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat (Wilayahku, 18 Oktober 2024). Oleh itu, kajian lanjut boleh menyentuh isu pentingnya pendidikan dan kemahiran dalam membolehkan seseorang itu keluar dari kepompong kemiskinan.

Akhir sekali, kajian ini dijalankan berpanduan soal selidik daripada responden serta menggunakan teori hibrid dan teori institusionalisme sahaja. Walaupun instrumen serta teori yang digunakan masih lagi relevan, masih terdapat instrumen serta teori lain yang boleh diguna pakai dalam kajian pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini memerlukan instrumen serta teori yang lebih meluas supaya isu pembasmian kemiskinan tidak dilihat pada dasar PPN sahaja. Malahan, memperbanyak instrumen dan teori yang membolehkan objektif yang lebih luas berjaya dicapai. Jadi, terdapat banyak jurang kajian yang memerlukan lebih banyak kajian pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, pengkaji merasakan kajian ini masih penting dan perlu dilaksanakan berdasarkan penemuannya berhubung dengan fungsi dan keberkesanan program yang bertujuan membasmi kemiskinan. Hasilnya, kesimpulan kajian berkesan menangani persoalan kajian yang

dikemukakan. Untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan fungsi SDO dan program serta bantuan dalam membasmi kemiskinan, beberapa faktor mesti diambil kira, seperti yang dinyatakan di atas. Akhir sekali, masih terdapat banyak persoalan yang belum terjawab yang memerlukan lebih banyak kajian untuk memahami sepenuhnya fungsi SDO dan keberkesanan inisiatif yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan.

RUJUKAN

- Abdul Kahar Abdul Latif. (2024) Temubual Personal. Pengarah PPN Terengganu. (24 September). 2.30 pm di PPN Terengganu.
- Berita Harian, (09 Mac 2024). *Kerajaan peruntuk RM50 Juta Program Basmi Kemiskinan di Terengganu*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221584/kerajaan-peruntuk-rm50-juta-program-basmi-kemiskinan-di-terengganu>. Diakses pada 5 Jun 2024.
- Bernama, (27 April 2024). *Kerajaan Pusat Peruntuk R,1.59 Billion Untuk Pembangunan Fizikal di Terengganu*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2291941>. Diakses pada 5 Jun 2024.
- Bernama. (2022). *Hujan lebat sejak semalam, Terengganu mula dilanda banjir*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/09/hujan-lebat-sejak-semalam-terengganu-mula-dilanda-banjir/>. Diakses pada 01 Oktober 2023.
- DOSM. (2022). *Kemiskinan Di Malaysia*. Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- DOSM. (2022). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Terengganu*. Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- DOSM. (2022). *Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia*. Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- eKasih. (n.d). *Maklumat eKasih*. <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx>. Diakses pada 19 Oktober 2022.
- Ekonomi Rakyat. (2023). *Kadar Faedah, Inflasi Tinggi dan Keselamatan Makanan: Pengajaran di Sebalik Tahun 2022*. <https://ekonomirakyat.com.my/kadar-faedah-inflasi-tinggi-dan-keselamatan-makanan-pengajaran-di-sebalik-tahun-2022/>. Diakses pada 01 Oktober 2023.
- Hafizi Rosli. (2022). *Banjir Terengganu: Penduduk Kampung La masih trauma, air bah rosakkan hampir semua rumah*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-terengganu-penduduk-kampung-la-masih-trauma-air-bah-rosakkan-hampir-semua-rumah-399033>. Diakses pada 01 Oktober 2023.
- Hatta, Z. A. & Ali, I. (2013). Poverty Reduction Policies in Malaysia: Trends, Strategies and Challenges. *Asian Culture and History*, 5(2), 48-56.
- ICU. (2023). *Pelan Pelaksanaan ICU JPM 2023-2025*. Malaysia: Jabatan Perdana Menteri.
- ICU. (2023). *Program Kasih Prihatin Daerah Marang*. <https://www.icu.gov.my/?pg=cawang&type=trg&list=berita&id=3414>. Diakses pada 05 Oktober 2023.
- ICU. (2023). *Program Lawatan Mobile Team Daerah Kuala Nerus Bilangan 4*. <https://www.icu.gov.my/?pg=cawang&type=trg&list=berita&id=3397>. Diakses pada 05 Oktober 2023.
- Mohd Nasaruddin Parzi & Luqman Arif Abd Karim. (2020). *800,000 hilang kerja sejak COVID-19 melanda*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748412/800000-hilang-kerja-sejak-COVID-19-melanda>. Diakses pada 01 Oktober 2023.

- Mohd Rodzi Embong, Roshaiza Taha & Mohd Nazli Mohd Nor. (2015). Peranan Zakat untuk Membasmi Kemiskinan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 39, 141 – 150.
- Mohd Zaid Mohamed Yusoff. (2024). Temubual Personal. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kesejahteraan Rakyat PPN Terengganu. (22 September). Pada 3.00 pm di SDO Terengganu.
- Noor Aznida Alias. (2015). *Dua faktor punca banjir besar*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/44980/dua-faktor-punca-banjir-besar>. Diakses pada 01 Oktober 2023.
- PBB. (n.d.) End Poverty in All Its Forms Everywhere. [https://unstats.un.org/sdgs/report/2022/goal-01/#:~:text=COVID%2D19%20 has%20made%20a,and%20the%20largest%20since%201990](https://unstats.un.org/sdgs/report/2022/goal-01/#:~:text=COVID%2D19%20has%20made%20a,and%20the%20largest%20since%201990). Diakses pada 19 Oktober 2022.
- Sinar Harian, (11 Disember 2023). *Terengganu tidak dianaktiri, peruntukan pembangunan terus meningkat*. <https://www.sinarharian.com.my/article/639087/berita/nasional/terengganu-tidak-dianaktiri-peruntukan-pembangunan-terus-meningkat>. Diakses pada 5 Jun 2024.
- Sinar Harian, (28 Disember 2021). *Ke arah miskin tegar sifar 2025*. <https://www.sinarharian.com.my/article/180179/berita/nasional/ke-arrah-miskin-tegar-sifar-2025>. Diakses pada 15 Februari 2023.
- TRDI. (25 September 2023). *Kerajaan Terengganu Komited Sifarkan Keciciran Pelajar Ke IPT*. <https://www.trdi.my/kerajaan-terengganu-komited-sifarkan-keciciran-pelajar-ke-ipt>. Diakses pada 13 April 2025.
- Tschannen-Moran, M. and Gareis, C.R. (2004). “*Principals’ sense of efficacy and trust*”, paper to be presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, 12-16 April, San Diego, CA.
- Wan Nurulashiah Wan Mustapa, Abdullah Al Mamun, & Mohamed Dahlan Ibrahim. (2018). Economic Impact of Development Initiatives on Low-Income Households in Kelantan, Malaysia. *Social Sciences*, 7(118).
- Wilayahku. (18 Oktober 2024). *Peruntukan TVET meningkat kepada RM7.5 bilion*. <https://www.wilayahku.com.my/peruntukan-tvet-meningkat-kepada-rm7-5-bilion/>. Diakses pada 13 April 2025.
- Zaid Salim. (2023). *RM38.2 juta nilai kerugian mangsa banjir di Terengganu*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/01/1050234/rm382-juta-nilai-kerugian-mangsa-banjir-di-terengganu>. Diakses pada 01 Oktober 2023.